

KHUTBAH JUMAAT

“TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK: TERAS KEHARMONIAN UMAT”

(10 Oktober 2025M/ 18 Rabiulakhir 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا
بِالتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ
فَارَ الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama memperbaharui keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah subhanahu wata'ala. Takwa ialah benteng yang membezakan kebenaran daripada kebatilan, dan menjadi kunci kepada kesejahteraan hidup di dunia serta keselamatan di akhirat. Dengan melaksanakan segala suruhan Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya, nescaya kita akan memperoleh rahmat serta keredaan-Nya.

Bersempena sambutan ulang tahun keputeraan rasmi **Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak**, khutbah pada hari yang penuh keberkatan ini akan memfokuskan kepada tajuk:

“Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak: Teras Keharmonian Umat.”

Kaum Muslimin yang dimuliakan Allah,

Islam menempatkan institusi kepemimpinan di kedudukan yang sangat tinggi. Manusia secara fitrahnya tidak mampu hidup tanpa sistem, peraturan dan pimpinan yang menyatukan. Tanpa kepemimpinan, masyarakat akan berpecah, hilang arah dan runtuh dari dalam. Justeru, kepemimpinan dalam Islam adalah amanah yang agung yang menjadi asas kepada kestabilan dan keharmonian umat.

Dalam konteks Sarawak, institusi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak memainkan peranan penting sebagai payung teduhan seluruh rakyat. Institusi ini bukan sekadar simbolik, tetapi lambang keharmonian, perpaduan dan kestabilan Sarawak. Firman Allah subhanahu wata'ala dalam Surah an-Nisa', ayat 58 yang menjadi teras utama kepada konsep amanah kepemimpinan:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran*

yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

Ayat ini menegaskan dua (2) prinsip utama kepimpinan iaitu: **Pertama**, menyerahkan amanah kepada yang layak; **Kedua**, menegakkan keadilan dalam pemerintahan.

Dua (2) prinsip inilah yang menjadi asas kepada pemerintahan Tuan Yang Terutama dalam menjamin kesejahteraan dan keharmonian rakyat Sarawak.

Kaum Muslimin yang dimuliakan Allah,

Sarawak adalah wilayah yang istimewa dengan lebih daripada dua puluh suku kaum hidup bersama dalam harmoni, pelbagai agama, budaya dan bahasa yang saling menghormati. Kepelbagaian ini adalah ujian dan rahmat daripada Allah subhanahu wata'ala. Ujian, kerana perbezaan boleh menimbulkan perpecahan jika tidak diurus dengan adil; rahmat, kerana kepelbagaian inilah sumber kekuatan, kemajuan dan kemakmuran negeri ini.

Institusi Yang di-Pertua Negeri adalah teras yang memayungi keharmonian ini. Keadilan, kebijaksanaan dan sifat kebapaan yang ditunjukkan oleh Tuan Yang Terutama telah menjadikan Sarawak terus aman, stabil dan sejahtera sekaligus menjadi contoh kepada negeri-negeri lain dalam menzahirkan makna sebenar perpaduan dan kesejahteraan rakyat.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Dalam Islam, ketaatan kepada *Ulul Amri* (pemimpin) adalah satu tuntutan, selagi mana ia tidak bertentangan dengan syariat. Imam al-Bukhari *rahimahullah* meriwayatkan hadis, daripada Ibnu Umar *radiallahu anhumata*, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ))

Maksudnya: *Setiap orang Islam wajib mendengar dan mentaati (pemimpin) dalam perkara yang dia sukai dan perkara yang dia benci, kecuali dia diperintah melakukan maksiat. Maka dia tidak boleh mendengar atau taat.*

Ketaatan dan kesetiaan kepada pemimpin adalah manifestasi kepada kecintaan kita terhadap keamanan dan kestabilan. Umat Islam perlu sedar bahawa kita adalah sebahagian daripada pembangunan negeri ini. Dengan sokongan yang padu kepada kepimpinan yang adil, kita membantu menegakkan keadilan, mengukuhkan perpaduan, dan memakmurkan negeri Sarawak yang kita cintai ini.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Sempena ulang tahun keputeraan rasmi ini, marilah kita menzahirkan doa agar Allah *subhanahu wata'ala* terus melimpahkan rahmat dan perlindungan kepada **Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak**. Semoga Allah menganugerahkan kesihatan, kebijaksanaan, dan kekuatan kepada beliau dalam memimpin negeri ini dengan penuh keadilan, hikmah dan kasih sayang.

Sebagai rumusan khutbah pada hari ini, hayatilah tiga (3) perkara penting:

1. **Institusi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak** adalah tonggak utama perpaduan dan kestabilan negeri.
2. **Keadilan dan kebijaksanaan** pimpinan menjadi asas kepada keharmonian serta kemajuan rakyat.
3. **Kesetiaan dan ketaatan rakyat** pula menjadi penyokong utama kepada pemerintahan yang makmur dan berkat.

Akhirnya, marilah kita renungi firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Anfal, ayat 63:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ ۚ لَوْ أَنْفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَّا أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ
وَلَكِنَّ اللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ ۚ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: *Dan (Dia lah) yang menyatu-padukan di antara hati mereka (yang beriman itu). Kalaulah engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatu-padukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatu-padukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya Ia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*

Ya Allah, peliharalah Sarawak yang tercinta, limpahkanlah keberkatan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri, kepada seluruh rakyat, dan jadikanlah kami umat yang bersatu, berkasih sayang, serta istiqamah dalam kebenaran dan keadilan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Inilah asas kestabilan, kemakmuran dan keharmonian Sarawak dan negara kita, Malaysia. Pastikan juga rezeki yang kita peroleh adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang merosakkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan. Angkatlah segala penderitaan, kesedihan, peperangan dan permusuhan daripada mereka dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali wal Ikram, kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُنْتَ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.